

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR HAJI IZANI BIN HUSIN**

**TARIKH : 28 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9678**

**SOALAN:**

**Dr. Haji Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik terkini penagih dadah mengikut pecahan jantina, umur dan bangsa.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), seramai 30,846 orang penagih dadah telah dikesan pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut jantina adalah seperti berikut:

**Jadual 1 : Statistik Mengikut Jantina**

Lelaki	Perempuan
29,662 orang	1,184 orang

Berdasarkan pecahan mengikut umur pula adalah seperti berikut:-

**Jadual 2 : Statistik Mengikut Umur**

Umur	Jumlah
Bawah 19 tahun	1,680 orang
20 tahun -39 tahun	21,857 orang
Atas 40 tahun	7,309 orang

Bagi bilangan penagih dadah mengikut 3 pecahan bangsa tertinggi pula adalah seperti berikut:-

**Jadual 3 : Statistik Mengikut Bangsa**

Bangsa	Jumlah
Melayu	24,902 orang
Cina	2,182 orang
India	2,429 orang

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]**

**TARIKH : 28 MAC 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 50**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kelayaklayaran dan keselamatan kapal penumpang khususnya bagi pelancong-pelancong, berikutan tragedi katamaran Pulau Mengakum dan bot Tawau terbalik pada 28 Januari 2017 dan 7 Februari 2017.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bagi memastikan kebolehlayaran bot dan keselamatan kapal penumpang khususnya bagi bot-bot pelancong di bawah 15 Nett Registered Tonnage (NRT), Kementerian Pengangkutan melalui agensi pelaksanaanya Jabatan Laut Malaysia akan membuat pemeriksaan sekali setiap tahun bagi tujuan pembaharuan lesen. Aspek-aspek kebolehlayaran bot yang diperiksa adalah seperti berikut:

- i. *Hull & Machinery*;
- ii. *Life Saving Appliances* (jaket keselamatan, pelampung etc.);
- iii. sama ada terdapat pengubahsuaian yang dibenarkan; dan
- iv. alat pemadam api.

Di samping itu, dalam konteks pengoperasian bot, sekiranya bot-bot ini beroperasi di jeti-jeti yang sah, Jabatan Laut telah mensyaratkan supaya pengusaha-pengusaha bot menyerahkan senarai penumpang kepada pihak berkuasa yang bertugas di jeti-jeti berkenaan. Manakala, bagi pengoperasian bot di had pelabuhan tertentu selain daripada yang dinyatakan, pengusaha bot perlu mendapatkan kebenaran khas daripada pihak berkuasa.

Bagui memastikan pematuhan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan, Jabatan laut bersama-sama dengan pelbagai agensi penguatkuasaan terlibat seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan

Polis Gerakan Marin mengadakan pemeriksaan berterusan secara mengejut dan berkala bagi memeriksa keselamatan bot-bot yang beroperasi.

Pada masa yang sama, Jabatan Laut Malaysia juga mengadakan kempen-kempen kesedaran keselamatan marin di kalangan pengusaha bot dan feri serta penumpang. Kempen-kempen ini bertujuan memberi kesedaran khususnya kepada penumpang termasuk kepentingan untuk menggunakan perkhidmatan bot yang sah di jeti-jeti yang dibenarkan.

Dalam konteks insiden bot karam di Sabah, berdasarkan sesi libat urus (engagement) bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri Sabah iaitu Kementerian Pembangunan Infrastruktur, Kementerian Pelancongan dan Alam Sekitar serta Jabatan Pelabuhan dan Dermaga (JPDS) yang telah diadakan pada 17 Februari 2017, satu *task force* telah ditubuhkan bagi membincangkan perkara-perkara teknikal, pengoperasian dan perlesenan bot, keselamatan dan penguatkuasaan bagi operasi bot-bot di Sabah.